



Rujukan : UKM BEN/224/8 Jld. 12
Tarikh : 10 Januari 2017

PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2017

Dekan/ Pengarah/ Ketua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Bahagian/ Jabatan/ Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia
Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM), Pusat Perubatan UKM

Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,


GARIS PANDUAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UKM

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Pekeliling ini adalah bertujuan bagi menguatkuasakan Buku Garis Panduan Kewangan dan Perakaunan UKM yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU).

2. Buku Garis Panduan Kewangan dan Perakaunan ini merupakan polisi dan peraturan dalam pengurusan kewangan kepada Jabatan Bendahari dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang diberi kuasa menguruskan urusan kewangan. Antara perkara-perkara yang diberi penekanan adalah seperti berikut;

- i. Pihak berkuasa melulus
- ii. Belanjawan
- iii. Penerimaan dan Kutipan Hasil
- iv. Perbelanjaan dan Pembayaran
- v. Kewangan Pelajar
- vi. Aset dan Stor
- vii. Pengurusan Akaun dan Pelaburan
- viii. Tatatertib dan Surcaj
- ix. Penyimpanan rekod dan dokumen kewangan



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>

3. Walaubagaimanapun, garis panduan ini tidak mengandungi polisi dan peraturan berkaitan dengan Pengurusan Perolehan. Ini kerana Garis Panduan Perolehan masih lagi dalam semakan dan penelitian Kementerian Kewangan Malaysia. Penguatkuasaan Garis Panduan Perolehan akan dilaksanakan setelah maklumbalas diperolehi dari pihak kementerian dan seterusnya kelulusan LPU. Sehubungan dengan itu, polisi dan peraturan berkenaan dengan Pengurusan Perolehan perlulah mematuhi peraturan yang sedang berkuatkuasa.

4. Semua kakitangan dan pegawai yang bertanggungjawab menguruskan urusan kewangan haruslah mematuhi polisi dan peraturan yang telah ditetapkan ini. Sebarang ketidakpatuhan akan dipertanggungjawabkan kepada individu dan PTj berkenaan. Buku Garis Panduan ini boleh diperolehi dan dimuat turun melalui laman web Jabatan Bendahari

Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan maklumat ini kepada semua pegawai dan kakitangan Y.Bhg. Prof.Ulung/ Prof./ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Yang benar,



KHALIJAH HJ. BAKAR
Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pengarah Eksekutif Pentabdiran, UKM
 - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, PPUKM



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 3000 Faksimili: +603-8921 3058 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>